

|            |                     |             |                     |
|------------|---------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Menyirami kehijauan |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Malaysia     |             |                     |
| Date       | 18 Nov 2016         | Color       | Full Color          |
| Section    | Mega                | Circulation | 171,663             |
| Page No    | 22                  | Readership  | 563,000             |
| Language   | Malay               | ArticleSize | 504 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | MOHD. AFENDI HUSSIN | AdValue     | RM 9,961            |
| Frequency  | Daily               | PR Value    | RM 29,884           |



## Menyirami kehijauan !

**bercakap dengan pokok**



Bersama MOHD. AFENDI HUSSIN



**A**SSALAMUALAIKUM dan bertemu kembali. Pada siri-siri yang sebelumnya kita telah pun membincangkan aktiviti merancang serta merekod data yang diperlukan dalam kerja-kerja penyelenggaraan pokok. Apabila perancangan penyelenggaraan telah pun dilaksanakan, maka perkara yang paling utama untuk diberikan perhatian ialah memastikan pokok yang anda tanam memperoleh air yang cukup untuk tumbuh dan membesar.

Tumbuhan memerlukan air untuk hidup. Penyiraman membantu membekalkan air untuk tanaman. Siraman amat diperlukan lebih-lebih lagi terhadap tanaman yang baru ditanam memandangkan akar pokok berkenaan masih

sedikit dan masih terkumpul di dalam bebola tanah yang sedia ada. Kebergantungan terhadap siraman akan berkurangan apabila akar-akar pokok ini mula tumbuh atau merebak ke dalam tanah atau media di sekelilingnya.

Siraman sebaiknya dilakukan pada waktu awal pagi atau lewat petang. Tempoh siraman sebaiknya dilakukan sedikit lama pada satu-satu pokok bagi memastikan air siraman meresap jauh ke dalam tanah.

Air siraman perlu dibiarkan meresap sekurang-kurangnya pada kedalaman 10 inci atau 25 sentimeter (cm) ke dalam tanah.

Siraman yang sedikit menyebabkan air sedikit terkumpul atau tersebar hanya di lapisan permukaan atas tanah.

Keadaan ini akan mendorong akar yang tumbuh, untuk cenderung dan tertumpu kepada zon lapisan atas berhampiran dengan permukaan tanah sahaja. Penumpuan akar-akar pokok di zon ini boleh memberi kesan yang kurang baik dari segi penyebaran akar pokok kerana akar-akar ini akan cenderung untuk tumbuh mengahala ke lapisan atau zon yang lembab ini dan bukannya tumbuh melebar

ke sisi bagi memperkuat pegangan dirian pokok tersebut.

Keadaan sebegini boleh mengundang kelemahan dari segi kestabilan pokok tersebut untuk menyokong dirinya akibat tidak memegang pokok tersebut pada kedalaman yang sepatutnya. Secara umumnya pokok memerlukan bekalan air yang baik dalam tempoh antara tiga dan lima tahun, dan penjagaan pemberian air dalam tempoh dua tahun pertama akan memberikan hasil yang lebih baik. Pokok yang berada di dalam polibeg pula mempunyai akar-akar yang halus dan memerlukan air yang lebih.

Siraman boleh dilakukan sama ada secara manual, separa manual ataupun secara automatik. Apa pun kedah yang digunakan, siraman tidak seharusnya merosakkan pokok. Elakkan siraman yang kerap pada pangkal pokok. Siraman tidak semestinya mengenai pangkal pokok. Pangkal pokok yang kerap menerima siraman air juga boleh menjadi rosak. Semakin pokok membesar, jarak siraman dari pangkal pokok juga menjadi semakin melebar. Siraman pada permukaan daun turut membantu membersihkan

kotoran yang melekat pada permukaan atas dan bawah daun.

Pemberian air yang berlebihan mampu merosakkan akar pokok lebih-lebih lagi apabila akar tersebut kerap ditenggelami air. Akar yang ditenggelami air boleh menjadi reput dan pereputan akar boleh merosotkan pertumbuhan pokok dan boleh menyebabkan kegagalan pada pokok berkenaan.

Jumlah dan kekerapan siraman turut dipengaruhi spesies tanaman dan saiz anak pokok yang digunakan. Secara umumnya anak pokok yang masih muda dengan ketinggian 2 meter (m) memerlukan air sebanyak 20 liter dalam kadar kehilangan air dengan tempoh seminggu. Elakkan melakukan siraman pada awal pagi dan lewat petang. Air yang disiram pada waktu tengah hari akan mudah terpeluwap disebabkan cuaca yang panas

terik. Kekerapan siraman ada masanya meningkat apabila berlaku musim yang kering.

Selain itu, jenis media tanaman dan dedahan media tanaman ini terhadap cahaya mata hari turut mempengaruhi kekerapan siraman. Meletakkan sungkupan boleh mengekalkan 80 peratus daripada kelembapan tanah. Media yang mengandungi bahan organik mampu menyimpan kandungan air dengan lebih banyak. Media berpasir pula akan mengalami kadar kehilangan air yang tinggi.

### TAHUKAH ANDA?

- Pokok kelumpang burung (*Sterculia parviflora*) merupakan spesies pokok yang buahnya amat digemari kebanyakan burung.
- Di FRIM, pokok ini boleh ditemukan berhampiran kolam di hadapan masjid FRIM.
- Pokok ini sering digunakan sebagai tumbuhan hiasan dan boleh dijumpai di India, Indonesia, Malaysia dan Singapura.
- Spesies ini biasa terdapat di hutan tanah rendah dan hutan bukit.